

20) PROGRAM PERUMAHAN MAMPU MILIK : RUMAH SELANGORKU

Adun : Y.B. Tuan Mu'izzuddeen Bin Mahyuddin (Hulu Bernam)

Kategori : Bertulis

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Berapakah jumlah Rumah Selangorku yang dijangka siap berbanding jumlah yang telah siap dibina bagi tempoh 5 tahun terkini?

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2025 terdapat **141 projek** dengan **44,020 unit** Rumah Selangorku telah siap dibina dan diserahkan kunci dan **68 projek** dengan **29,458 unit** sedang dalam pembinaan dan dijangka akan siap secara berperingkat bagi tempoh sehingga tahun 2028.

- b) Berapakah jumlah permohonan Rumah Selangorku yang digugurkan disebabkan tidak lulus pinjaman bank bagi tempoh 5 tahun tersebut?

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod Sistem Permohonan Hartanah Negeri Selangor di Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor permohonan Rumah Selangorku (RSKU) yang telah menolak tawaran bagi tempoh **tahun 2020 sehingga 2025** adalah sebanyak **25,854 pemohon** yang mana sebahagian besarnya adalah disebabkan kegagalan mendapatkan pembiayaan perumahan.

Disediakan Oleh :
(MOHD HAFIZ BIN HASSAN) A.M.S.
Timbalan Pengarah Eksekutif
Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor

Tarikh : Jun 2025

Disemak Oleh :
(DATO' TPr Dr JUHARI BIN AHMAD)
D.I.M.P., A.M.N., S.I.S., A.M.S.
Pengarah Eksekutif
Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor

Tarikh : Jun 2025

Disahkan Oleh :
(YB DATUK BORHAN BIN AMAN SHAH)
D.M.S.M., P.J.K.
EXCO Perumahan Dan Kebudayaan
Jawatankuasa Tetap Perumahan Dan
Pembangunan Bandar Lestari

Tarikh : Jun 2025